# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 19 SEPTEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MOA DAN MEA KENAL PASTI TANAH FELDA UNTUK PENANAMAN DURIAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | JALIN KERJASAMA DENGAN UPM, IPS LAHIR PENGURUS KEBUN BERKEBOLEHAN, NASIONAL, BH -8 | |
| 3. | KEMENTERIAN, UPM, IPS, BEKERJASAMA LAHIRKAN PENGURUS KEBUN BERKOBOLEHAN, BH -ONLINE | |
| 4. | BAZAR PEDULI RAKYAT RANGSANG EKONOMI RAKYAT, NEGERI, MINGGUAN AMANAH -26 | |
| 5. | KEMENTERIAN, IPT BEKERJASAMA LAHIRKAN PENGURUS LADANG, DALAM NEGERI, UM -6 | |
| 6. | AGRICULTURE MINISTER: UPGRADE DURIAN FARM TO TURN IT INTO TOURIST ATTRACTION, NATION, SIN CHEW DAILY -11 | |
| 7. | FARM MANAGER TRAINING MAKES FARMERS MORE PROFESSIONAL, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A11 | |
| 8. | AGRICULTURE MINISTER: BEAUTIFY THE FRUIT FARM TO DRIVE AGRICULTURAL TOURISM, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | |
| 9. | RM2.6M BOOST FOR TENOM FARMERS, DAILY EKPRESS -ONLINE | |
| 10. | AKAR KAYU DARI CHINA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -12 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 11. | 22 EKOR LEMBU SELUDUP BERNILAI RM83,000 DIRAMPAS, SINAR TIMUR, SH -32 | |
| 12. | MAQIS LABUAN RAMPAS 'SINALAU' DAN SEJUK BEKU DARI BRUNEI, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | |
| 13. | HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN 2019, NEGERI, HARAKAH -N11 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 14. | 'SYUKUR DIBANTU NELAYAN INDONESIA', SINAR SELATAN, SH -36 | LAIN-LAIN |
| 15. | TEBU TELUR DIEKPSORT KE SINGAPURA, NEGERI, HARAKAH -N13 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | MINGGUAN AMANAH | NEGERI | 13 |

# MoA dan MEA kenal pasti tanah Felda untuk penanaman durian

**KEMENTERIAN** Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) akan mengenal pasti tanah Felda yang akan digunakan untuk menanam pokok durian, bagi membolehkan peneroka mendapat pendapatan tambahan di masa hadapan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, kedua-dua kementerian itu kini sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti tanah Felda yang sesuai untuk tujuan itu.

"Kami sekarang sedang membuat kajian (tanah yang sesuai di Felda)...di kawasan-kawasan berbukitlah (untuk penanaman durian)...nanti kami akan umumkan di mana tempatnya.

"Perlunya MoA dan MEA bekerjasama, supaya tanah-tanah Felda itu juga ditanam dengan tanaman kontan, dan oleh kerana Felda ada Felda Plantation yang tiada peneroka tapi ada tanaman, jadi kenapa tidak kita mengimbangi dan mengatasi isu sawit yg semakin merudum, kita tanam dengan tanaman yang menguntungkan," katanya di sidang media selepas merasmikan Festival Durian Agrobank baru-baru ini.

Pada 3 Mei, Menteri MEA Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata tanah terbiar kerajaan yang tiada perancangan pembangunan akan dikenal pasti untuk digunakan bagi tujuan pertanian.

Katanya, MoA akan mengkaji cara menyediakan peluang kepada petani dan usahawan kecil menggunakan tanah tersebut untuk meningkatkan pendapatan mereka, dan meningkatkan hasil pengeluaran negara.

Sementara itu, Agrobank yang sebelum ini dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia Bhd, hari ini menganjurkan Festival Durian, yang merupakan satu inisiatif bank tersebut mempromosikan perniagaan berasaskan durian sebagai satu punca kekayaan.

> **Kami sekarang sedang membuat kajian (tanah yang sesuai di Felda)...di kawasan-kawasan berbukitlah (untuk penanaman durian)...nanti kami akan umumkan di mana tempatnya.**

Festival ini adalah sebahagian daripada sasaran Agrobank mengembangkan lagi rangkaian dan memberikan peluang perniagaan, kepada agropreneur dalam perniagaan durian.

Terdahulu Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Khadijah Iskandar dalam ucapannya berkata dengan konsepkan 'durian sebagai satu perniagaan', festival ini diadakan bukan sahaja untuk menikmati keenakan raja buah itu, namun juga mempromosikan produk dan servis mereka.

"Kami telah membantu memberikan pinjaman kepada agropreneur berasaskan durian dengan jumlah keseluruhan RM90 juta. Agrobank berharap agar agropreneur akan menggunakan kesempatan ini untuk mengembangkan perniagaan berasaskan durian mereka, ke peringkat antarabangsa," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Jalin kerjasama dengan UPM, IPS lahir pengurus kebun berkebolehan

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pertanian Serdang (IPS) bagi melahirkan pengurus ladang yang berkebolehan dalam kalangan pekebun kecil.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya melihat perkara itu perlu dilaksanakan segera dan perjumpaan akan diadakan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, pihaknya juga diminta dalam mesyuarat Kabinet menumpukan kepada kerjasama pertanian antara kementerian dan UPM bagi memastikan usaha melahirkan pengurus ladang berjaya dilaksanakan.

"Selepas kembali dari lawatan kerja ke China minggu ini, saya akan adakan perjumpaan dengan semua pakar dari UPM dan IPS bagi membincangkan perkara ini, sekali gus mencari model baharu melahirkan pengurus ladang yang mampu memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.

"Buat masa ini, kita sudah ada model pengurus estet, namun tugas mereka berbeza, jadi kita perlu ada model baharu bagi pengurus ladang yang akan dibincangkan bersama UPM dan IPS," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau melancarkan pentas jualan dan pemasaran milik Alibaba Group, Juhuasuan, bagi pasaran China di Wisma Tani di sini. Yang turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Juhuasuan, Alan Ao.

Mengulas program pelancaran Juhuasuan, Salahuddin berkata, kerjasama itu penting kepada Malaysia untuk memperkukuh dan memperkasakan produk tempatan di pasaran China.

Beliau berkata, pertemuan kali ini diharap lebih bermakna kepada produk tempatan berkaitan pertanian bagi memastikan ia mempunyai peluang dipasarkan pada masa akan datang.

> *Saya akan adakan pertemuan dengan pakar dari UPM dan IPS bagi bincangkan perkara ini, sekali gus cari model baharu lahir pengurus ladang yang mampu pasarkan produk ke peringkat antarabangsa.*
>
> ***Salahuddin Ayub,*** *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Kementerian, UPM, IPS bekerjasama lahirkan pengurus kebun berkebolehan



PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pertanian Serdang (IPS) bagi melahirkan pengurus ladang yang berkebolehan dalam kalangan pekebun kecil.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya melihat perkara itu perlu dilaksanakan segera dan satu perjumpaan akan diadakan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, pihaknya juga diminta dalam mesyuarat Kabinet untuk tumpu kepada kerjasama pertanian antara kementerian dan UPM bagi memastikan usaha melahirkan pengurus ladang berjaya dilaksanakan.

"Selepas kembali dari lawatan kerja ke China minggu ini, saya akan adakan perjumpaan dengan semua pakar dari UPM dan IPS bagi membincangkan perkara ini, sekali gus mencari model baharu melahirkan pengurus ladang yang mampu memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa.

"Buat masa ini, kita sudah ada model pengurus estet, namun tugas mereka berbeza maka kita perlu ada model baharu bagi pengurus ladang yang akan dibincangkan bersama UPM dan IPS," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau melancarkan pentas jualan dan pemasaran milik Alibaba Group, Juhuasuan, bagi pasaran China di Wisma Tani di sini. Yang turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Juhuasuan, Alan Ao.

Mengulas mengenai program pelancaran Juhuasuan, Salahuddin berkata kerjasama itu penting kepada Malaysia untuk memperkukuh dan memperkasakan produk tempatan di pasaran China.

Beliau berkata, pertemuan kali ini diharapkan lebih bermakna kepada produk tempatan berkaitan pertanian bagi memastikan ia mempunyai peluang untuk dipasarkan pada masa akan datang.

"Apa yang saya ketahui, pasaran antarabangsa terutama China adalah besar, maka cabaran dan tanggungjawab saya serta kementerian ialah memastikan industri berkaitan pertanian dapat ditingkatkan.

"Kepada pemain industri pertanian, jangan bimbang mengenai pasaran kerana peluang sangat luas di China. Apa yang penting, perlu tingkatkan kualiti dan keupayaan bagi membolehkan produk masing-masing dapat dipasarkan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | MINGGUAN AMANAH | NEGERI | 26 |

# Bazar Peduli Rakyat rangsang ekonomi rakyat

Oleh **SITI NUR ZAWANI MISCON**

**TIGA** agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melancarkan Bazar Peduli Rakyat Peringkat Terengganu yang menyasarkan penurunan harga produk pertanian di mana ia bakal diperluas ke seluruh negara.

Bazar tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail; dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman.

Menurut Faiz, bazar tersebut adalah sinergi tiga agensi untuk merangsang ekonomi rakyat dengan menjadikannya pusat pengumpulan dan penjualan produk agromakanan hasil usahawan tempatan bagi menyediakan akses pemasaran untuk memasarkan terus produk mereka.

"Dengan adanya Bazar Peduli Rakyat ini, ia mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan penurunan harga barang dapur di mana harga barang dapat dibeli dengan diskaun lima hingga 30 peratus.

"Ini kerana rantaian bekalan telah dipendekkan dan produk dapat dijual secara terus daripada pengeluar kepada pengguna.

"Saya turut melelong hasil laut seperti ikan kerapu, kembung, siakap, Q-fish, sotong dan bermacam lagi sebagai tanda peduli kerajaan PH kepada rakyat yang mahukan harga barang yang lebih berpatutan," katanya.



*Faiz merasmikan Bazar Peduli Rakyat Peringkat Terengganu.*

Bazar Peduli Rakyat ini merupakan hasil hala tuju pertama dan kelima Datuk Salahuddin Ayub.

Sementara itu, Faiz yang juga Timbalan Pemuda AMANAH berkata, satu pusat jualan untuk Amanah Terengganu turut disediakan bagi memberi peluang perniagaan kepada ahli Amanah yang diuruskan Wanita Muda AMANAH (Warda).

Beliau berkata, seramai 50 asnaf menerima sumbangan barang dapur oleh Yayasan Prihatin Insan (YPI) bagi meringankan beban hidup mereka.

Turut hadir Naib Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Zamir Ghazali dan Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Kementerian, IPT bekerjasama lahirkan pengurus ladang

**PUTRAJAYA 18 Sept.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pertanian Serdang (IPS) dalam usaha melahirkan pengurus ladang yang berkebolehan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, satu perjumpaan akan dilakukan dalam masa terdekat bagi memastikan kerjasama tersebut dapat dilaksanakan segera.

"Selepas kembali dari lawatan kerja ke China nanti, satu perjumpaan akan diadakan dengan semua pakar dari UPM dan IPS bagi membincangkan perkara ini sekali gus mencari model baharu bagi menjayakan usaha melahirkan pengurus ladang yang boleh memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.

"Buat masa ini, kita sudah ada model pengurus estet namun perlu ada model baharu bagi pengurus ladang yang akan dibincangkan bersama UPM dan IPS nanti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas pelancaran platform jualan dan pemasaran milik Alibaba Group, Juhuasuan bagi pasaran China, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Juhuasuan, Alan Ao.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama itu, Salahuddin menjelaskan, pemilik kebun kecil akan menguruskan kebun secara profesional berdasarkan teknologi terkini selain didedahkan dengan pengetahuan lebih efisien bagi mempertingkatkan hasil tanaman atau pertanian.

Sementara itu, mengenai platform jualan dan pemasaran, Juhuasuan, beliau berkata, kolaborasi tersebut penting kepada Malaysia dalam usaha mengukuhkan kerjasama dan memperkasakan produk tempatan ke China.

"Pasaran antarabangsa terutama China amat besar, maka menjadi cabaran dan tanggungjawab saya serta kementerian bagi memastikan industri berkaitan pertanian dapat ditingkatkan," katanya.




SALAHUDDIN AYUB (dua dari kiri) dan Alan Ao (kiri) melawat gerai jualan selepas melancarkan Alibaba Juhuasuan di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Pengarah Urusan OldTown White Coffee, K. C. Ong (dua dari kanan) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Quqza Nizamuddin Hassan Nizam. - BERNAMA

| Headline | Agriculture Minister: Upgrade durian farm to turn it into tourist attraction | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 19 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 11 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 454 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 13,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 41,273 |



# 農長：促進經濟發展

# 提升榴槤園成景點

（布城18日讯）农业及农基部长拿督沙拉胡丁表示，该部将通过一些程序和预算来进行榴梿园的美化与提升的工作，使其成为农业旅游的景点，以此来发展国家经济

"旅客可以前来美丽的榴梿园看榴梿跌落，在那边吃榴莲，然后再到吉隆坡、新山、槟城购物，以此促进经济发展 "

## 拟推行农场经理培训

他今日出席阿里巴巴聚划算汇聚马来西亚启动仪式后表示，该部计划推行农场经理（Farm Manager）培训，以让他们更专业化地管理农田

他说，农场经理的培训对象是农民、尤其是农村的年轻人，以适合他们的新模式来给予训练，使他们更有效地管理农田

"该计划教导他们如何花钱（投资）、会计记账、市场行销、人工智能、物联网等知识，让他们专业管理农田，提高农业生产 "

至于农场经理计划的实施，他将在官访中国上海回国后，再和博特拉大学的专家们会面商讨农业经理计划的指南

有关他官访中国上海的行程，他受邀在武汉推广榴梿，也通过简报让中国业者和消费者了解我国的榴梿品质、相关标准作业程序和规约等资讯，让他们在购买榴梿时小心谨慎，以免遭他人欺骗

"有些购买猫山王榴梿却发现货不对办，导致他们对榴梿的失望，我希望此事不再发生 "

他认为，我国不仅要出口整颗榴梿或毛燕至中国，还需照顾下游市场，把原产品加工成榴梿酱或燕窝果冻、化妆品等，而这就是我国出口的潜能




沙拉胡丁（左二）在嘉宾的陪同下，参观阿里巴巴聚划算汇聚马来西亚推介礼上Julie's的摊位 左一是敖树峰；右一起是升沙尼桑慕丁、黄忠信

## 商討黃梨出口中國

沙拉胡丁正和聚划算商讨把黄梨列为出口中国的农产品，并期许有更多农产品能出口至中国

"我国不仅出口榴梿、燕窝，未来计划出口黄梨和波罗蜜至中国 "

阿里巴巴集团天猫&淘宝营销平台（大聚划算事业部）总经理敖树峰认为，我国的草莓和草莓酱的农产品特别适合出口至中国市场，因为这是其他地方没法产生的竞争力

他说，一旦我国农产品进入中国以后，能了解中国市场的口味，如甜度和规格是否能根据中国市场消费者来反向定制属于中国人的甜度，这将让中国市场更好地接纳马来西亚的商品

## 未来引入聚土地计划

另一方面，他说，聚划算在今年7月发布聚土地计划，即智慧订单农业计划，整合阿里系的资源，包括阿里云农业大脑，菜鸟的智慧物流，聚划算的营销一体化链路，帮助中国农业数字化，品牌化，未来这一套计划也将引入马来西亚

他说，通过聚土地这一智慧订单农业，帮助马来西亚农产品通过提前的，确定性的智慧订单，规模化地直供中国消费者，而中国消费者可以通过少量的定金来预定未来3个月内的马来西亚生鲜，美食等，所有商家也可以通过订单提前安排仓储物流和减少成本

他认为，未来从初级农产品转型深加工农产品的品牌化、甚至新品的研发后，可以通过聚划算在中国市场反馈，甚至根据数据反馈优化商品的口味、规格、价格，以便大批量的生产，获得更大的生意成功

"比如即食燕窝的研发，从我们的数据上看，中国的年轻消费者注重养生，但又倾向于便捷式养生，所以即食燕窝的搜索指数很高，未来我们也希望和马来西亚这么好的燕窝原产地达成合作，为中国消费者定制独特口味的即食燕窝，甚至是榴莲口味的即食燕窝 "

聚划算是整个阿里巴巴集团里最大的营销平台，其一年的成交规模达7000亿人民币

出席者包括茱莉（Julie's）业务发展经理黄忠信、农业部秘书长莫哈末沙列胡丁、马来西亚兽医服务局（DVS）总监拿督科沙尼桑慕丁等人

Powered by: isentia

| Headline | Farm manager training makes farmers more professional | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 19 Sep 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A11 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 531 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,209 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,627 |



# 农场经理培训 农民更专业化

**布城18日讯**丨农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，该部将推出「农场经理（Farm Manager）培训计划」，让农民更专业化、高效率管理自身农田。

沙拉胡丁表示，上述计划将教授本地农民新知识，包括行政管理、会计、市场行销、大数据、物联网等技能，应付瞬息万变的农业生态。「农民应做好应对新挑战的心理准备。」

他续说，此前走访全国农田时，看见不少年轻农民，他们更应响应上述计划，避免在新时代下丧失竞争力。

「我部门会和博特拉大学（UPM）专家合作，研拟更详细培训内容，如预计栽培出多少位农场经理等。」

他也说，正计划将本地农田，打造成提供旅客另类体验的旅游胜地，让农田功能不限于出产水果。

「旅客到访我国时，除吃榴梿外，亦可坐在农田民宿里观赏水果种植过程、丰收光景等，享受不一样的旅游体验。」

询及最新财政预算案是否支持上述计划时，他表示曾与财政部长林冠英讨论此事，相信会得到好消息。

沙拉胡丁今日出席「阿里巴巴聚划算汇聚马来西亚启动仪式」时，如此指出。其余出席者包括阿里巴巴集团天猫及淘宝营销平台（大聚划算事业部）总经理敖树峰、正典燕窝有限公司拿督戴棋铭等。




沙拉胡丁（左2）走到「旧街场咖啡」摊位，手握包装咖啡与敖树峰（左起）、翁建清及卡扎尼扎慕丁合影。 -陈启新-

## 加强出口其他农产品

沙拉胡丁指出，该部计划加强对中国出口黄梨、菠萝蜜、燕窝等农产品，而非仅依赖出口猫山王榴梿。

「猫山王虽在中国销量极好，但我们总不能单单依靠榴梿。黄梨、燕窝等都是市场潜力大的农产品，我们不应忘记。」

他补充，今年起至8月，我国销往中国的燕窝价值达7.31亿令吉。

他亦盼望增加对外出口之余，国内农产品产业链能愈发完善，如优化水果加工、灌装、冷藏业等。

此外，他也说，近期将官访中国上海，推广我国猫山王，并向当地消费者讲解购买我国榴梿的正当程序。

「中国购买我国榴梿有严谨程序，我会向他们解释清楚，避免他们被不负责任者欺骗，拿到货品时发现货不对办。」

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Beautify the fruit farm to drive agricultural tourism | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 19 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1291 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,239 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 48,717 |



## 农长：盼预算案增份额

# 美化果园推农业旅游

（布城18日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁透露，内阁今天原则上同意推动农业旅游计划，而这项计划将协助我国果园展开美化工程，同时增设设施。

"在这项计划中，我们将致力推动农业旅游，换言之，我们将会美化一些果园，增设设备。"

"我[illegible]




沙拉胡丁（中）希望看到更多马来西亚品牌充分利用聚划算顺势搭上中国列车。左起为黄忠信、胡毅骐铭，右起为黎树峰和翁俊涌。

## 提升大马品牌对华出口
# 推介闪购平台聚划算

[illegible]

## 农业部与博大合作 培训农场管理人

[illegible]

### 协助小农

[illegible]

## 赴华推销榴梿

[illegible]

## 大马产品需求增

——聚划算事业部营销总经理黎树峰

[illegible]

### 助商家推广促销

[illegible]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2019 | DAILY EKPRESS | ONLINE | |

## RM2.6m boost for Tenom farmers



**Tenom:** Agriculture and Agro-based Industry Minister Dato' Salahuddin Ayub congratulated the Tenom community on the opening of the new Area Farmers Association (PPK) office that cost about RM2.6 million.

The building was built starting Aug 1, 2016 on a 0.463 acre lot and was fully completed by Mar 31, last year.
Salahuddin said the completed building is a landmark for successful entrepreneurs in the field of agricultural pathways.
He said that his Ministry would have no problem providing subsidised fertiliser for hill rice fields to farmers and paddy farmers this season.

This is because the allocation for the purpose has been provided at RM44 million and so far there have been no problems or hindrance for the Agriculture Officers to distribute it as quickly as possible, he said.
Similarly, he said, the application for new seedlings for a variety of crops managed by the Ministry under the new wealth scheme has also been provided for the purpose.
In addition, they will also help gardeners or farmers who want to grow a variety of crops in their gardens and ensure more cash crops are grown in the country, he said.
Hence, Farmers' Organisation Board (LPP) through the PPK be a more proactive agency in their monitoring and to encourage the diversification of crops, he said.
"So, if a farmer wants to be successful in their endeavour, they must diversify their efforts and cultivation to be a successful entrepreneur like iconic agropreneur Datuk Yap Yun Fook," he said.

He said, Yap is not only well known as a successful agriculture entrepreneur in Sabah but also in livestock because he practices diversification.
He said his Ministry would assist the people to grow cash crops while the PPK a monitoring agency where large amounts of cash crops would be grown in large scale so as to generate higher economic returns to the people, paticularly farmers.
On the agro-processing centre as mentioned by Tenom MP, Noorita Sual, he said it would be built in Tenom and that the Ministry's staff would be coming here soon to see if it is suitable to be built in Tenom.
On the issue of food imports, Salahuddin said the government wanted to increase domestic production to meet domestic demand and that if there is an excess the government would consider exporting it
"This is because we cannot rely on food imports forever," he said to reporters after the opening of the new Tenom PPK Office.
Meanwhile, he said that he met with Minister of Finance Lim Guan Eng recently to ensure that in next year's Budget there would have high allocation of funds to guide and develop farmers in the field of entrepreneurship.
He said this was because food supply in the country was still inadequate and it still rely on food imports such as turmeric, lemongrass, ginger and sweet potato, among others.
He said that Felda today has six million hectares of undeveloped land, excluding vacant land.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Akar kayu dari China dirampas



AKAR kayu seberat 28 kilogram yang dirampas Maqis dalam satu pemeriksaan di KLIA pada Isnin lalu.

**SEPANG** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya merampas 28 kilogram akar kayu bernilai RM13,000 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor/Negeri Sembilan, Dr. Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan mesin imbasan kastam pada pukul 12.30 malam menemui akar kayu yang cuba dibawa masuk dari China oleh seorang lelaki warga tempatan.

"Individu tersebut gagal mengemukakan dokumen yang sah seperti Permit Import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis dan sijil fitosanitasi dari negara asal.

"Semua akar kayu yang dibawa masuk bagi tujuan perubatan tradisional itu dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah daripada Jabatan Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

Sementara itu, Maqis sentiasa memastikan antaranya tumbuhan, binatang, ikan dan keluaran pertanian yang dibawa masuk ke dalam negara adalah bebas daripada sebarang ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar.

"Ini supaya tidak menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan makanan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2019 | SINAR HARIAN | SINAR TIMUR | 32 |

# 22 ekor lembu seludup bernilai RM83,000 dirampas

**RANTAU PANJANG** - Sebanyak 22 ekor lembu seludup yang dianggarkan bernilai RM83,000 dirampas Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam dua serbuan berasingan di sekitar Rantau Panjang dan Pasir Mas di sini baru-baru ini.

Dalam serbuan pertama pada 12 September lalu, sebanyak 12 ekor lembu seludup bernilai RM48,000 dirampas PGA Batalion 9 Kuala Terengganu dalam operasi di pangkalan haram Magribi, Bakong, Pasir Mas.

Lima hari kemudian PGA Batalion 7 Kuantan yang mengambil alih tugas daripada PGA Batalion 9 Kuala Terengganu berjaya merampas 10 ekor lembu di pangkalan haram Wakaf Zin di sini pada jam 8 malam.

Semua lembu tersebut diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, mengimport lembu tanpa permit import sah adalah salah dari segi undang-undang di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Maqis Labuan rampas 'sinalau' dan sejuk beku dari Brunei | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 19 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Maqis Labuan rampas 'sinalau' dan sejuk beku dari Brunei

LABUAN: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di sini merampas sinalau (babi hutan salai) dan sejuk beku di Terminal Feri Antarabangsa yang dibawa masuk penumpang Feri Express Suria dari Brunei Darussalam.
Pegawai Penguatkuasa M...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/9/2019 | HARAKAH | NEGERI | N11 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | SINAR HARIAN | SINAR SELATAN | 36 |


# ‘Syukur dibantu nelayan Indonesia’

***Dua nelayan tersesat ke perairan negara jiran kerana jerebu***

NOR FARHANA YA'ACOB

**MELAKA TENGAH**

“Setiap kali turun ke laut, pak cik berdoa ALLAH SWT melindungi kami dan syukur kami selamat walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan termasuk keadaan jerebu tebal,” kata nelayan, Putih Dagang, 62, yang ditemukan selamat setelah dilaporkan hilang sejak turun ke laut di Jeti Nelayan Pantai Puteri di sini petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 petang itu, warga emas berkenaan bersama anak ketiganya, Shahrul Putih, 33, pergi menangkap ikan dengan perjalanan dianggarkan selama satu jam dari jeti nelayan iaitu pada jarak kira-kira 10 batu nautika.

Menurutnya, ketika mahu bertolak pulang kira-kira jam 12 tengah malam, penglihatan mereka dua beranak menjadi semakin kabur akibat jerebu tebal tetapi tetap meneruskan perjalanan pulang.

“Pak cik kemudian menyedari tersasar arah selepas mendapati lampu bot bernyala disebabkan hampir kehabisan minyak dan rupanya telah menghampiri perairan Indonesia.

“Nasib baik ketika itu kami bertemu beberapa nelayan Indonesia yang menghulurkan pertolongan untuk memberikan minyak malangnya mereka menggunakan minyak diesel.

“Disebabkan masalah itu mereka dengan kekuatan lima bot menarik bot kami menuju ke tempat perkampungan mereka di Pulau Rapat, Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas selamat tiba di Jeti Pengkalan Nelayan Pantai Puteri di sini semalam.



Putih dan Shahrul selamat tiba di jeti Pengkalan Nelayan Pantai Puteri semalam.



Putih ditemani isterinya ketika ditemui semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/9/2019 | HARAKAH | NEGERI | N13 |

# Tebu telur dieskport ke Singapura

Oleh SALMAH MAT HUSAIN

PASIR PUTEH: Sehingga sekarang tebu telur yang diusahakan petani di Kelantan dieksport ke Singapura dengan anggaran sebanyak 1,600 batang setiap hari.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, beberapa negara di Timur Tengah juga berminat mengimport tebu telur.

Oleh itu katanya kerajaan negeri mempergiatkan tanaman tersebut memandangkan ia menghasil pulangan memberangsangkan kepada petani.

"Sehingga sekarang penanamannya di kawasan seluas 46 hektar. Tahun hadapan kerajaan negeri menyasarkan sekurang-kurangnya 230 hektar lagi.

"Peserta projek perintis itu mampu meraih pendapatan sebanyak RM20,000 bagi setiap 0.46 hektar," katanya selepas merasmikan Kursus Usahawan Tebu di Dewan Utama Majlis Daerah Pasir Puteh baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) Engku Rujhan Engku Ismail.

Seramai 40 peserta mengikuti kursus penanaman tebu telur. Pada program itu peserta turut menerima bantuan benih dan baja.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, setiap 0.46 hektar boleh ditanam sebanyak 12,000 pokok tebu telur dengan nilai hasil RM1.50 hingga RM2.50 sebatang.

Menurutnya juga PKPNK membantu petani tempatan untuk memasarkan hasil tanaman tersebut sehingga ke luar negara.

"Tanaman tebu boleh dituai dalam tempoh lapan bulan. Tebu boleh dieksport manakala daunnya boleh diproses untuk menjadi makanan haiwan ternakan," ujarnya.


Kebun tebu telur.


Tuan Saripudin Tuan Ismail memasukkan batang tebu ke dalam mesin.



Sebahagian peserta mengikuti kursus penanaman tebu telur.